



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PTAR
"LIBRARY for ALL"

Buletin Info Pintar

ISSN : 1675-990 | BILANGAN 1 | Januari - April 2013



Kandungan eBuletin

BICARA KETUA PUSTAKAWAN
ms03

BERITA UTAMA
ms04-09

LAPORAN EKSKLUSIF
ms10-11

KOMUNITI STAF
ms12-13

02 ARTIKEL PILIHAN
ms14-15

AKTIVITI
PERPUSTAKAAN
ms16-29

KOMUNITI PENGGUNA
PERPUSTAKAAN
ms30

LENSA ALBUM
ms31-35

LAMAN MEDIA SOSIAL
ms36

KENALI STAF
ms37

**Bahagian
Penerbitan**
PUSTAKAWAN

SITI SALWA A. RAHMAN

KONSEP/GRAFIK
ZAWAWI HUSSAIN

FOTOGRAFI
ROSTINAH MUJIR

**Bahagian
Komunikasi Korporat**
NIK LOKMAN NIK ISMAIL

Bahagian Penerbitan eBuletin amat mengalu-alukan sumbangan artikel, berita atau rencana mengenai pengurusan maklumat dan keilmuan. Sila hantarkan berita atau artikel kepada:

Bahagian Penerbitan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
40450 UiTM Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-55443763

Bicara Ketua Pustakawan



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada eBuletin di atas kesempatan memberikan kata - kata aluan di sini. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang Januari-April 2013 oleh warga Perpustakaan. Antaranya termasuklah aktiviti-aktiviti kualiti, kemasyarakatan, perkhidmatan, pengembangan ilmu dan kemahiran di kalangan pelajar dan juga kakitangan. Melalui aktiviti-aktiviti seperti ini, saya percaya, warga Perpustakaan berpeluang mengenali satu sama lain dengan lebih dekat lagi sama ada dengan pelanggan mahupun kakitangan. Interaksi begini tentunya akan membina semangat bekerja berpasukan dengan lebih baik lagi dikalangan kakitangan, manakala interaksi dengan pelanggan pula ianya akan meningkatkan persefahaman antara kakitangan dengan pelanggan.

Saya berharap semua warga Perpustakaan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan berusaha agar kedua-dua statistik kunjungan berkenaan meningkat. Semoga usaha-usaha kreatif yang berinovasi seperti ini akan diteruskan. Saya amat berharap agar semua warga perpustakaan mewujudkan hubungan yang baik dan berkesan dengan pelanggan, di samping meningkatkan lagi usaha mempromosikan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan. Nasihat saya kepada semua agar menjaga profesionalisme, etika di tempat kerja dan nama baik perpustakaan serta universiti.

Noor Hidayat Adnan
Ketua Pustakawan

BeritaUtama

PTAR MEWARTAKAN 7 AGENDA PENTING DALAM MENGINJEKSIKAN MINAT TERHADAP PEMBACAAN DALAM MEMBINA INSAN BERINTEGRITI

Oleh Nik Lokman Nik Ismail



PTAR mewartakan 7 agenda penting dalam menginjeksikan minat terhadap pembacaan dalam membina insan berintegriti PTAR sebagai pusat ilmu pengetahuan mahu melahirkan warga pentadbir UiTM yang berpengetahuan dan berintegriti sesuai dengan peranannya yang terkini dalam memimpin dan mengetuai masyarakat untuk maju ke hadapan dan serba boleh dalam segenap hal. Ketua Pustakawan, UiTM, Encik Noor Hidayat Mohd Adnan berkata, PTAR perlu dijadikan sebagai satu tempat yang paling istimewa kepada warga pentadbir, akademik dan para pelajar keseluruhannya sekiranya mahu menjadi perpustakaan yang tersohor. Menurutnya, bagi mencapai matlamat melestarikan ilmu dan memperkasakan pembangunan intelektual pada semua peringkat perlulah ada strategi yang mampu melakar PTAR sebagai perpustakaan yang menjana impak yang lebih berkesan. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, tema yang telah dipilih untuk tahun ini adalah juga berkaitan dengan kegiatan membaca iaitu:

**“Budaya Membaca :
Melahirkan Insan Berintegriti”**

“Sebanyak tujuh agenda penting telah pun diperhalusi dan dirangka dalam memastikan PTAR sentiasa seiring dengan perkhidmatan dan permintaan daripada masyarakat. Malah melalui perancangan dan pelaksanaan agenda-agenda ini boleh menjadikan PTAR sentiasa berusaha menambahbaik dan berinovasi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pertamanya dalam sidang Amanat Tahun Baharu Ketua Pustakawan 2013 dalam majlis Perutusan Pentadbiran kepada semua warga pentadbir UiTM di Dewan Sri Budiman, UiTM pada 8 Februari yang lalu.

7 agenda yang akan menjadi nadi kepada PTAR dalam titik tolak memperkembangkan lagi mutu perkhidmatan dan kualiti pengurusan:

- ✓ Tenaga kerja Berkualiti
- ✓ Perkhidmatan Berkualiti
- ✓ Struktur Maklumat Berkualiti
- ✓ Prasarana Berkualiti
- ✓ Pengurusan Kewangan dan Penjanaan Pendapatan
- ✓ Kolaborasi Gagasan Budaya Membaca UiTM
- ✓ Program Khidmat Masyarakat

BeritaUtama



- Tenaga kerja Berkualiti
- Perkhidmatan Berkualiti
- Struktur Maklumat Berkualiti
- Prasarana Berkualiti
- Pengurusan Kewangan dan Penjanaan Pendapatan
- Kolaborasi Gagasan Budaya Membaca UiTM
- Program Khidmat Masyarakat

05

<http://www.perpustakaanuitm.blogspot.com/> & <https://www.facebook.com/library.uitm>

TENAGA KERJA BERKUALITI

Tenaga Kerja adalah penggerak utama dalam perancangan yang dirancangan, tanpa tenaga kerja yang mahir segala usaha tidak akan membuahkan hasil. Melalui agenda ini usaha pemantapan dan kemahiran ilmu warga UiTM dalam menjadi modal insan yang berkualiti dan penyumbang kepada pembangunan negara akan diteruskan. Ianya sesuai dengan matlamat UiTM sendiri untuk mencapai status sebuah universiti yang berasaskan penyelidikan dan industri bertaraf dunia menjelang tahun 2020. Pelbagai kegiatan dan aktiviti akan diteruskankan oleh pihak PTAR seperti Anugerah Ikon Membaca UiTM 2012, Hari Membaca UiTM, Program Teknik Membaca, Boot Talk dan banyak lagi dalam memperkayakan lagi keilmuan serta minat membaca di kalangan warga UiTM.

PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI

En. Noor Hidayat juga berkata beberapa inisiatif khas kepada warga pentadbir telah disediakan. Antaranya adalah peningkatan peminjaman buku

sebanyak 100% daripada 10 naskah kepada 20 naskah bagi setiap staf pentadbiran. Begitu juga cadangan pembelian buku daripada staf pentadbiran amatlah digalakkan. Selain daripada itu pengalaman berkongsi ilmu pengetahuan dengan pegawai pentadbir juga amatlah penting di dalam mengenalpasti keperluan dan kehendak yang diinginkan daripada mereka.

Selain daripada itu penubuhan satu pusat sumber yang dikenali dengan nama 'Flood Control Research Centre Library' yang mendapat kerjasama daripada 4 buah Universiti Antarabangsa iaitu IIT Roorkee India, Stuttgart University German, Colorado State University dan AIT Thailand beserta dengan kepakaran dari agensi tempatan seperti NAHRIM dan Jabatan Pengairan dan Saliran membuktikan dengan jelas akan kesungguhan dan hasrat PTAR dalam menyediakan maklumat yang terbaru, terkini dan seiring dengan perkembangan semasa.

BeritaUtama



STRUKTUR MAKLUMAT BERKUALITI

Encik Noor Hidayat juga menyatakan bahawa agenda yang ketiga iaitu Struktur Maklumat Berkualiti memainkan peranan penting dalam mewar-warkan segala bentuk perkhidmatan dan kemudahan yang ada untuk kepuasan pelanggan. Sumber penyebaran dan penyampaian maklumat akan diperkemaskan lagi agar setiap perkembangan terkini yang berkaitan dengan perkhidmatan dan informasi terbaru PTAR akan terus sampai ke tangan pengguna.

Perkhidmatan seperti 'e-resource' telah berjaya memberikan kemudahan kepada warga UiTM untuk mengakses sendiri segala maklumat di PTAR di hujung jari mereka tanpa perlu menghadirkan diri di perpustakaan. Kegunaan 'SMS Blast' kepada setiap ahli, warga UiTM dan pelajar dalam menyebarkan perkembangan terkini turut mendapat perhatian daripada pihak pengurusan PTAR. Selain daripada itu dengan penubuhan 'Friends of the Library' atau Sahabat Perpustakaan juga boleh menjadi satu jambatan penghubung antara pengguna-pengguna PTAR dengan pihak pengurusan.

PRASARANA BERKUALITI

Melalui prasarana berkualiti, pengguna dengan sendirinya boleh mengandaikan tahap kecekapan dan profesionalisme pengurusan PTAR. Setiap prasarana yang ada perlulah sentiasa seiring dengan teknologi dan keperluan terkini dalam memberikan lebih keselesaan dan kemudahan kepada pengguna.

Menurut beliau dalam membawa UiTM ke tahap sebuah Universiti Pendidikan, PTAR juga tidak terkecuali memberikan tumpuan khas kepada pelajar-pelajar mahupun warga UiTM yang sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah.

Bilik-bilik khas PhD kini sedang dibina untuk memudahkan golongan ini melakukan kajian dan penyelidikan dengan penuh keselesaan agar dapat membuah hasil yang terbaik dalam kajian yang dilakukan. Begitu juga dengan koleksi-koleksi khas yang mempunyai nilai ilmu yang tinggi. Koleksi-koleksi yang sukar diperolehi sekarang ini turut diberi tumpuan oleh PTAR dengan menyediakan tempat khusus untuk mereka yang cintakan ilmu pengetahuan.

BeritaUtama



PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENJANAAN PENDAPATAN

Encik Noor Hidayat juga menekankan aspek Pengurusan Kewangan dan Penjanaaan Pendapatan sebagai agenda yang kelima dalam memainkan peranan menyokong perbelanjaan secara berhemah. Beberapa pelan tindakan telahpun diatur dalam mewujudkan penjanaaan pendapatan antaranya mengkomersilkan bahagian penjilidan, percetakan dan kafe perpustakaan dan juga penawaran kursus-kursus bersijil secara jangkapendek. Manakala dalam proses penjimatan perbelanjaan pula ialah dengan mentransformasikan pembangunan koleksi yang sedia ada dan juga buku-buku baru dalam bentuk e-books. Begitu juga tentang langganan Pangkalan Data dalam Talian (PDDT) secara berpusat yang akan terus dilakukan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di mana melalui usaha ini penjimatan melalui langganan secara individu dapat dikurangkan.

KOLABORASI GAGASAN BUDAYA MEMBACA

Agenda keenam yang menjadi matlamat PTAR ialah Kolaborasi Gagasan Budaya Membaca UiTM. Apa yang dimaksudkan disini ialah mengembangkan peranan PTAR melalui jalinan kerjasama dengan Kementerian dan agensi-agensi Jabatan Kerajaan mahupun swasta dalam meningkatkan budaya membaca buku sebagai sumber ilmu pengetahuan dan pendidikan. Menurut beliau lagi, minat membaca seharusnya dipupuk dan diterapkan oleh ibubapa ketika anak-anak mereka masih lagi di peringkat kanak-kanak kerana di peringkat umur sebeginilah, kanak-kanak mudah dibentuk dan mendengar arahan daripada ibubapa masing-masing. PTAR juga mengambil inisiatif seumpama ini dengan menawarkan perkhidmatan profesional seperti khidmat nasihat dan pemilihan buku-buku kepada golongan ibubapa yang mengingini penubuhan perpustakaan di rumah untuk anak-anak mereka.

BeritaUtama

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

Agenda seterusnya yang menjadi agenda terakhir dalam ucapan Ketua Pustakawan adalah Program Khidmat Masyarakat. Program Khidmat Masyarakat yang memaparkan peranan utama lain PTAR dalam membina hubungan ukhuwah dan jalinan kemesraan dengan masyarakat di luar kampus UiTM adalah bertujuan membina budaya membaca di kalangan masyarakat yang jauh daripada kemudahan asas dan teknologi terkini. Pemilihan beberapa buah sekolah yang agak jauh di pedalaman telah dilakukan dan akan berterusan di masa akan datang dalam usaha PTAR memberikan khidmat masyarakat ke arah mengubah destini anak bangsa khususnya dalam membudayakan membaca dan ilmu.

Akhir kata menurut En. Noor Hidayat Adnan kepada warga UiTM dalam amanatnya itu

“Setiap orang perlu menanam perasaan cintakan ilmu kerana dengan ilmulah kita mampu mempertingkatkan sosio ekonomi dalam membina impian UiTM sebagai Universiti Tersohor memartabatkan ilmu juga akan mewujudkan insan yang berintegriti.”



Berita *Utama*



Eksklusif!

Lawatan Penandaarasan Anjuran PPM ke Hong Kong

LAWATAN PENANDAARASAN KE PERPUSTAKAAN- PERPUSTAKAAN DI HONG KONG

Laporan oleh Faridah Talib, Zulkifli Ismail, Khasiah Zakaria,
Nor Azlin Abdullah dan Zayani Zakaria
27 Januari - 30 Januari 2013



10 Seramai 5 orang pegawai kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah terpilih untuk mengadakan satu lawatan penandaarasan ke luar negara baru-baru ini. Lawatan ke Hong Kong yang turut disertai oleh beberapa pustakawan daripada institusi yang lain ini adalah anjuran Persatuan Perpustakaan Malaysia (PPM). Sebanyak lima pusat pendidikan yang membabitkan perpustakaan di sana telahpun dikunjungi. Lawatan itu telah diketuai oleh Puan Khasiah Zakaria, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan diikuti oleh Encik Zulkifli Ismail, Timbalan Ketua Pustakawan, Encik Arshad Bujang, Pustakawan Kanan, Puan Noor Azlin Abdullah, Pustakawan dan Cik Zayani Zakaria, Pembantu Pustakawan. Antara perpustakaan utama yang telah dikunjungi adalah University of Hong Kong, Hong Kong Institute Of Vocational Education, Hongkong Design Institute, City University Of Hongkong dan Public Library of Hong Kong (Central Library of Hong Kong). Lawatan Penandaarasan ini dilihat sebagai memenuhi kehendak PTAR di

dalam meninjau perkembangan terkini yang boleh dijadikan penambahbaikan dan amalan terbaik untuk pembangunan di PTAR sendiri. Ianya juga sebagai salah satu usaha PTAR dalam membina imej dan juga mentransformasikan PTAR ke arah perpustakaan akademik bertaraf dunia. Antara penemuan semasa lawatan tersebut adalah penggunaan ruang perpustakaan yang dimanfaatkan sepenuhnya seperti learning commons, information commons, ruang santai, ruang penyelidikan, ruang diskusi, ruang membaca (deep silent), ruang 24 jam, ruang penerbitan POD (publishing on demand), ruang penjilidan untuk pelajar dan ruang untuk pembangunan multimedia. Selain daripada itu, apa yang menarik perhatian warga kerja PTAR adalah ruangan yang boleh dirangka untuk diubahsuai menjadi ruangan aktiviti malah ruang bacaan juga boleh dimanfaatkan menjadi bilik konferensi, kuliah ataupun bilik seminar.

Eksklusif!

Lawatan Penandaarasan Anjuran PPM ke Hong kong



Hasil daripada lawatan turut mendapati penggunaan ICT tidak menjadi perkara utama namun ia menjadi sebahagian dari keseluruhan aktiviti dan proses. Sebagai contoh penggunaan laptop begitu meluas di kalangan pelajar maka ruang khas disediakan dengan menyediakan meja yang mempunyai 'plug points' soket yang banyak untuk dimanfaatkan oleh semua pengguna perpustakaan. Delegasi lawatan berpendapat perpustakaan di Hong Kong sangat fokus kepada perkhidmatan untuk pengguna serta sangat menghargai ilmu. Keseluruhan proses dan struktur pentadbiran dilihat menyokong misi dan visi organisasi. Antara lain, lawatan tersebut melihat beberapa perkara yang boleh dimanfaatkan oleh PTAR ataupun UiTM seperti:

1. Jalinan kerjasama yang erat dengan kementerian yang bertanggungjawab terhadap perpustakaan.
2. Kolaborasi dengan konsortium dimanfaatkan dengan semaksima mungkin untuk membolehkan penjimatan kewangan perpustakaan.

3. Usahasama dan konsortium telah menjadi 'darah daging' pengurusan perpustakaan di Hong Kong dengan setiap universiti menyumbang dalam kesemua proses dan struktur melalui seminar, 'round table discussions' melangkaui negara.

Hasil daripada lawatan ini diharap mampu memberikan peluang dan ruang kepada pustakawan untuk melihat sendiri pembangunan perpustakaan mengikut perspektif yang berbeza. Melalui lawatan sebegini ia boleh membuka minda pustakawan UiTM dengan adanya perbincangan secara bersama dengan pustakawan-pustakawan daripada institusi-institusi yang lain. Di samping itu ianya turut membina hubungan kerjasama dan silaturrahim sesama pustakawan seluruh Malaysia. Apa yang pasti lawatan sebegini mampu membina kerjasama berpasukan dan melahirkan tenaga kepakaran untuk turut sama membantu PTAR, UiTM dan juga institusi yang lain untuk lebih maju.

Komuniti Staf

BENGGKEL PENGKATALOGAN BAHAN MULTIMEDIA DAN KARTOGRAFIK

Bengkel Pengkatalogan Bahan Multimedia dan Kartografik yang telah dikendalikan oleh Encik Ahmad Junaidi Tajuddin, Pustakawan Perpustakaan UIAM telah diadakan selama tiga hari berturut-turut pada ketetapan berikut :

Tarikh : 25-27 Februari 2013

Tempat : Pusat IT, PTAR 1

Masa : 08.30 pagi - 04.30 petang

Peserta : Staf yang terlibat dengan pengkatalogan dan UiTM cawangan (42 orang)



12



Komuniti Staf

CSR Rumah Penyayang Bestari



Projek Mengecat Pusat Sumber

ARTIKEL PILIHAN

Audit LRQA Bagi Persijilan Semula Dan Reinstatement Iso 9001 : 2008 Perpustakaan UiTM Shah Alam

Oleh Aznur Umiza Abu Kassim

Selamat Datang

**AUDITOR LRQA KE PERPUSTAKAAN UiTM SHAH ALAM
SEMPENA PEMBAHARUAN SIJIL DAN
'REINSTATEMENT CONFIRMATION' PERSIJILAN ISO 9001:2008
14-15 MAC 2013**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PTAR

<http://www.library.uitm.edu.my>



Auditor Bertauliah dari Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA) seramai lima orang telah mengaudit di PTAR 1, Perpustakaan Pengurusan & Perniagaan Tun Abdul Razak dan Perpustakaan UiTM Puncak Perdana. Persediaan lebih awal telah dirancang dan dilaksanakan oleh jawatankuasa Dokumentasi Perpustakaan UiTM merangkumi pengemaskinian dokumentasi dan proses kerja. Kumpulan Auditor Dalaman juga memainkan peranan penting bagi memastikan proses kerja dan prosedur dilaksanakan seperti yang telah ditetapkan di dalam dokumen.

Pada **14-15 Mac 2013**, Perpustakaan UiTM telah berjaya memperbaharui sijil dan reinstatement confirmation dalam persijilan semula ISO 9001:2008 bagi pusingan ketiga setelah membuat penangguhan selama setahun. Penangguhan ini adalah berdasarkan faktor pengstrukturkan semula fungsi jabatan/bahagian Perpustakaan UiTM di bawah kepimpinan Ketua Pustakawan, Encik Noor Hidayat Adnan serta memberi ruang kepada pihak pengurusan untuk mengkaji semula skop persijilan ISO 9001:2008.



ARTIKEL PILIHAN

Lawatan kerja dari Library Archives and Museum, Bank of Thailand

Oleh Nik Lokman Nik Ismail

Delegasi daripada Thailand ini yang terdiri daripada Madam Chiraporn Siridhara, Senior Specialist dan Miss Nathana Krodtem, Team Executive telah mengadakan pertemuan dengan beberapa orang pegawai kanan PTAR dan beberapa orang pustakawan yang terbabit di dalam mengendalikan pengurusan maklumat secara digital pada 19 Mac 2013 yang lalu.



Antara wakil pihak pengurusan yang hadir adalah Puan Roslina Mohd Ali, Ketua Perkhidmatan Pelanggan, Encik Zulkifli Ismail, Ketua Pengurusan Institusi Repositori dan Imbangan Bahan dan Encik Mohamad Hamidi bin Mohd Jais, Ketua Sistem dan Teknologi Maklumat. Selain daripada perbincangan yang diadakan, majlis lawatan kerja ini juga diberikan penerangan secara persembahan slaid oleh Encik Ahmad Faizar bin Jaffar, Pustakawan daripada Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat dan juga daripada Encik Zulkifli bin Ismail sendiri daripada Jabatan Pengurusan Institusi dan Imbangan Bahan.



15

“UiTM mempunyai nama yang gah di arena antarabangsa malah tarikan yang lebih kuat untuk berkunjung dan mendapat ilmu dengan mengadakan lawatan ke sini adalah disebabkan PTAR telah berjaya menggondol pelbagai hadiah kemenangan hasil usaha daripada kegigihan dan kredibiliti tenaga kerjanya” - Madam Chiraporn Siridhara

Menurutnya lagi, beliau merasa begitu kagum dengan usaha yang dilakukan oleh tenaga kerja PTAR dalam memastikan kemudahan dan keselesaan pengguna untuk mendapatkan maklumat disusun dan dilaksanakan dengan begitu rapi dan kemas sekali. Menurut

Madam Chiraporn lagi, beliau berharap hubungan baik antara delegasi daripada pihak beliau dengan PTAR akan berterusan dan berharap program seperti ini akan diadakan lagi pada masa akan datang. Malah beliau berpendapat ianya juga boleh dilaksanakan ke peringkat penempatan pertukaran antara sesama tenaga kerja di antara dua badan institusi ini.

Aktiviti Perpustakaan

PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA PTAR



16



PTAR telah menganjurkan Program Gotong-Royong Perdana yang diadakan seperti butiran berikut :

Program : Program Gotong-Royong Perdana PTAR

Tarikh : 27 Februari 2013

Tempat : Bahagian Pengurusan Repositori Institusi dan Imbangan Bahan (BPRIB) dan kawasan berhadapan Bilik Seminar PTAR 1

Aktiviti Perpustakaan

BEKAS WARGAKERJA PTAR DAN STAF BARU DIRAIKAN

Oleh Nik Lokman Nik Ismail



Satu majlis resepsi bagi mengenang khidmat bekas warga kerja PTAR telah diadakan dalam satu Majlis yang dikenali sebagai Majlis Persaraan Staf-Staf bertukar bahagian dan pengenalan Staf baru telah diadakan pada hari Jumaat, 15 Februari yang lepas.

Majlis yang diadakan ini adalah khusus untuk meraikan tiga orang bekas warga kerja PTAR yang telah bersara dan berpindah tugas ke tempat lain iaitu Encik Katmidi Mejo, Puan Hafizah Mohamad dan Encik Shariman Mat Sopari.

Encik Katmidi Mejo yang telah berkhidmat dengan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM semenjak tahun 1977 lagi telah mengambil skim persaraan wajib apabila genap umur 58 tahun. Jawatan terakhir beliau sebelum bersara ialah sebagai Pembantu Perpustakaan Tingkatan Tertinggi di PTAR 3 (Fakulti Kejuruteraan). Manakala Puan Hafizah binti Mohamad pula yang bertugas sebagai pegawai eksekutif di Bahagian Pentadbiran Am, PTAR 1 sebelum ini telahpun bertukar ke Fakulti Perniagaan.



Aktiviti Perpustakaan



18

Begitu juga dengan Encik Shariman Mat Sopari yang telah berpindah jawatan sebagai pelukis grafik di Fakulti Animasi, Kampus Puncak Perdana. Beliau adalah daripada Bahagian Pengurusan Media, PTAR 1 sebelum ini.

Encik Noor Hidayat Adnan dalam ucapan alu-aluannya telah menyatakan bahawa beliau begitu menghargai komitmen dan jasa yang telah ditaburkan oleh ketiga-tiga mereka sepanjang berkhidmat di PTAR.

Beliau juga turut mendoakan agar kesemua mereka akan memperolehi kejayaan dan keberkatan di dalam apa

jua bidang dan lapangan yang mereka ceburi dan lakukan.

Enciik Katmidi, Puan Hafizah dan juga Encik Shariman yang turut diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan mengharapkan agar PTAR akan sentiasa maju jaya, berkembang dan berwibawa pada masa yang akan datang. Ucapan terimakasih dari ketiga-tiga mereka juga turut dilafazkan dan mengharapkan agar persahabatan yang telah terjalin di antara sesama wargakerja PTAR akan berterusan.

Aktiviti Perpustakaan

Turut mendapat perhatian di dalam majlis yang sama adalah kehadiran beberapa orang staf yang baru mendaftar di PTAR. Lima orang warga kerja baru yang terdiri daripada tiga pustakawan, seorang pegawai eksekutif dan seorang pembantu penerbitan yang telah melaporkan diri pada 1hb. Februari 2013 yang lalu telah memperkenalkan diri. Mereka yang turut diraikan ini adalah terdiri daripada En. Nik Lokman bin Nik Ismail, Cik Siti Salwa binti A Rahman, Pn. Juniza binti Addenno, En. Mohamad Lofti bin Mokhtar dan En. Zawawi bin Hussain.



Aktiviti Perpustakaan

LAWATAN PENANDAARASAN DARIPADA PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING, BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR, UITM KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Oleh Nik Lokman Nik Ismail



Rombongan lawatan penandaarasan ini lebih tertumpu kepada Bahagian Pengurusan Media, PTAR. Selain daripada itu ianya juga bertujuan untuk menimba ilmu dan berkongsi maklumat mengenai kaedah perkhidmatan pengurusan bahan media dalam usaha memantapkan pembangunan sumber khususnya bahan media dan digital di Bilik Sumber, Pusat Kerjaya dan Kaunseling.

Ketibaan mereka ini telah disambut oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Puan Roslina Bt Mohd Ali dan juga pustakawan bahagian komunikasi korporat, En. Nik Lokman Nik Ismail.

Sebaik sahaja rombongan lawatan ini telah berada di bilik seminar PTAR, ucapan alu-aluan bagi mewakili PTAR telah disampaikan oleh Ketua Timbalan Pustakawan iaitu Pn Faridah Bt Mohamad Talib. Selain daripada beliau, Ketua Bahagian Perkhidmatan Pelanggan iaitu Pn Hani Liza Norfin telah dipertanggungjawabkan untuk memberikan penerangan kepada rombongan tersebut tentang pengurusan Media di PTAR.



20 Seramai 8 orang pegawai daripada Pusat Kerjaya dan Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah mengadakan satu lawatan Penandaarasan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi Mara (UiTM) baru-baru ini. Lawatan yang diadakan pada 5hb. Mac 2013 itu telah diketuai oleh Puan Mariatul Kabtiah bt Yahya, Timbalan Ketua Kerjaya beserta dengan dua orang pegawai psikologi kanan iaitu Pn Wan Noraini Wan Yusoff dan Pn Roslinda Mohd Subbian manakala lima lagi peserta yang turut hadir bersama beliau adalah pegawai-pegawai psikologi iaitu Pn Nurul Aashiqin Mohamaed Hanib, En Mohd Shahril Boniran, Pn Nurul Haiza Ibrahim, En. Norhamshah Mohd Hassan dan Pn. Zalela Baharuddin.

Aktiviti Perpustakaan



Rombongan lawatan ini juga turut dibawa melawat ke bahagian-bahagian lain seperti Bahagian Perolehan, Bahagian Pengindeksan, Bahagian Rujukan, Bahagian Sirkulasi, Bahagian Katalog dan juga bahagian-bahagian perkhidmatan lain di PTAR.

21



Selesai sahaja taklimat perpustakaan, diadakan pula sesi soal jawab di antara kedua pihak dengan suasana mesra dan terbuka. Sesi pertukaran cenderamata juga diadakan bagi menghargai kerjasama di antara kedua pihak atas inisiatif lawatan yang dijalankan.

Aktiviti Perpustakaan



22



PUSAT KERJAYA
DAN KAUNSELING



Aktiviti Perpustakaan

MESYUARAT PEGAWAI PER



Tarikh : 14 Februari 2013 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Seminar, PTAR 1

23



Aktiviti Perpustakaan

Majlis Penyampaian Hadiah Untuk Kejohanan Sukan Tertutup PTAR 2012/2013

1. Acara Carom:

Johan : HULUBALANG (Biru)

2. Acara Bola Tampar:

Johan : HULUBALANG (Biru)

3. Acara Ping Pong:

Johan : LAKSAMANA (Hijau)

4. Acara Sepak Takraw:

Johan : HULUBALANG (Biru)

5. Acara Badminton:

Johan : HULUBALANG (Biru)



6. Acara Futsal:

Johan : LAKSAMANA (Hijau)

7. Acara Boling Persahabatan antara Pengurusan dan Pelaksana Individual:

Johan : Nik Lokman Ismail

N.Johan : M Fahmi M Kadir

Tempat Ketiga : M Afnan Ismail



Team Pelaksana

Johan : Team Norlilawati

N.Johan : Team M Haizar

Team Pengurusan

Johan : Team M Izwan

N.Johan : Team M Fatihah



JOHAN KESELURUHAN: HULUBALANG (Biru)

Aktiviti Perpustakaan

Pembukaan Booth Sempena Majlis Perutusan Pentadbiran 2013



Tarikh : 8 Februari 2013

Tempat : Dewan Sri Budiman

25



Aktiviti Perpustakaan



26

**Kursus Penyampaian
Perkhidmatan Pelanggan**
Tarikh : 1 Mac 2013
Tempat : PTAR 1

A man in a light blue shirt is operating a scanner. A group of women wearing hijabs are standing around him, observing his actions. The man is holding a document and is in the process of scanning it. The background shows a computer lab setting with desks and monitors.

Aktiviti Perpustakaan

Sistem Pusat Sumber untuk Bilik Sumber,
Pusat Kerjaya dan Kaunseling



Tarikh : 1 APRIL 2013
Tempat : PTAR 1

27



Aktiviti Perpustakaan



Ceramah Gejala Rasuah

28

Matlamat:

- Menerapkan nilai anti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di kalangan staf PTAR.
- Meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap nilai-nilai integriti semasa menjalankan tugas.

Peserta : 50 orang (Ketua Jabatan/Bahagian/Pustakawan Kanan/ Pustakawan dan staf yang berurusan dengan tugas pembelian dan perolehan)



Tarikh : 8 April 2013

Tempat : Bilik Seminar,
PTAR 1

Aktiviti Perpustakaan

**Kursus Memahami dan Menangani Isu-Isu Pengurusan Organisasi serta Pelanggan :
Melihat dari Perspektif Inter Generasi**



29



Tarikh : 11 April 2013
**Tempat : Bilik Seminar,
PTAR 1**


Objektif:

1. Memberi pendedahan mengenai cara menangani cabaran menguruskan inter generasi dengan lebih berkesan.
2. Memahami keperluan dan kehendak setiap generasi bagi peningkatan perkhidmatan organisasi.

Komuniti Pengguna Perpustakaan

PROGRAM KENALI MEDIA BERSAMA MPP

UNIT Pengurusan Media, PTAR 1 telah mengadakan satu Program Kenali Media bersama MPP. Program ini diadakan adalah bertujuan untuk memperkenalkan & mempromosi perkhidmatan koleksi sumber media serta kemudahan alat pandang dengar (APD) yang disediakan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak. Wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah dijemput untuk menyertai program ini bagi mempromosi dan membuat hebahan tentang aktiviti - aktiviti yang berkaitan dengan mahasiswa dan mahasiswi di UiTM.



Lokasi: Learning Commons, PTAR 1
13-15 Mac 2013



LENSA Album

Lawatan ke Perpustakaan International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) anjuran BPRIIB

Teks disediakan oleh Mohd Fahizan Hamid



OBJEKTIF LAWATAN

31

- **Membuat Penandaarasan Amalan Terbaik Perpustakaan ISTAC**
- **Membuat Penandaarasan Pengurusan Koleksi Khas dan Peribadi ISTAC**
- **Membuat Penandaarasan Penyediaan Kemudahan dan Perkhidmatan ISTAC**



LENSA Album



Secara umum, koleksi keseluruhan perpustakaan ISTAC adalah sebanyak 160000 naskah yang terdiri dari 64000 naskah bagi koleksi umum dan rujukan, 30000 jurnal, 46000 bagi koleksi khas dan rare.



LENSA Album

KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT



02 APRIL 2013



29 MAC 2013



27 MAC 2013



25 MAC 2013



25 MAC 2013

LENSA Album



Perpustakaan Tun Abdul Razak 1

LENSA Album

Lawatan daripada Sek. Keb Rantau Panjang

Tarikh : 9 April 2013



35

Tarikh : 10 April 2013

**Lawatan daripada Sek. Men. Keb. Tasek Permai,
Ampang ke PTAR**



Laman Sosial Media



Kenali Staf

STAF BARU



Encik Nik Lokman Bin Nik Ismail
Pustakawan
Bahagian Komunikasi Korporat

Cik Siti Salwa Bte A. Rahman
Pustakawan
Bahagian Penerbitan



Encik Mohamad Lotfi Bin Mokhtar
Pegawai Eksekutif
Unit Sumber Manusia & Pengurusan
Bahagian Pentadbiran

Encik Zawawi Bin Hussain
Pembantu Penerbitan
Bahagian Penerbitan



Juniza Binti Addenno
Pembantu Perpustakaan
Unit Pembangunan Verifikasi Rekod Bibliografik

37

STAF BERPINDAH

Shariman Mat Sopari
Pereka Grafik
Fakulti Animasi, Kampus
Puncak Perdana

Muhamad Azrin Ismail
Pembantu Perpustakaan
Perpustakaan Kejuruteraan TAR

Puan Hafizah Mohamad
Pegawai Eksekutif Kanan
Fakulti Pengurusan Perniagaan

Mohd Paizal Usman
Pembantu Perpustakaan
Bahagian Pengurusan
Perpustakaan Digital

Mohd Fahmi Kadim
Pembantu Perpustakaan
Perpustakaan Alam Bina TAR

Neni Suzelin Mazlan
Pembantu Perpustakaan
Perpustakaan UiTM Kampus
Puncak Perdana

Noorwazit Nuruddin
Pembantu Perpustakaan T. Kanan
Perpustakaan Sains & Teknologi TAR

Mohamad As'shari Omar
Pembantu Am Pejabat
Ting. Kanan
Jabatan Perkhidmatan
Perpustakaan PTAR 1

STAF BERSARA



Encik Katmidi Mejo
Pembantu Perpustakaan Tertinggi
Perpustakaan Kejuruteraan TAR

